

Universiti Selangor (UNISEL) merupakan Universiti swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kami menawarkan pelbagai program pengajian di Kampus Shah Alam dan Bestari Jaya. Sesuai dengan perkembangan yang pesat, kami mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut.

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN AKADEMIK
UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

PUSAT PENGAJIAN ASASI DAN UMUM, KAMPUS BESTARI JAYA

JAWATAN : PENSYARAH (DS45)

Bidang : Pengajian Bahasa Asing (Bahasa Korea)
Status : Lantikan Secara Kontrak / Tetap (1 Tahun)

RINGKASAN JAWATAN

Pusat Pengajian Asasi dan Umum, Kampus Bestari Jaya, Universiti Selangor ingin melantik Pensyarah (DS45) dalam bidang Bahasa Asing iaitu Bahasa Korea bagi mengisi kekosongan jawatan dan keperluan yang terdapat di fakulti dengan kelayakan akademik seperti berikut :-

SYARAT KELAYAKAN :

I. PENSYARAH (DS45)

Pengajian Bahasa Asing (Bahasa Korea)

1. Warganegara Malaysia.
2. Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana / Ijazah Sarjana Muda (CGPA lulus atau 3.0 ke atas) dalam bidang Pendidikan / Pengajaran Bahasa Asing (Bahasa Korea) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
3. Calon yang bergraduasi dalam sebarang bidang dari Universiti di Korea (keutamaan diberikan kepada calon dari bidang : Bahasa Korea).
4. Calon mempunyai penguasaan yang baik dalam bidang Bahasa Inggeris juga merupakan satu kelebihan.
5. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang pengajaran di institut pengajian tinggi.
6. Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

TATACARA MEMOHON

- a) Calon yang berminat hendaklah mengemukakan Borang Permohonan beserta gambar berukuran *passport* terkini, sijil-sijil yang telah disahkan dan *Curriculum Vitae (CV)* yang mengandungi maklumat berikut :-
 - i. Maklumat peribadi termasuk nombor kad pengenalan, keluarga, alamat surat menyurat, nombor telefon dan email untuk dihubungi;
 - ii. Maklumat pendidikan dan pengalaman kerja;
 - iii. Anugerah dan hadiah yang diterima di mana-mana peringkat termasuk di peringkat Antarabangsa;
 - iv. Sumbangan-sumbangan kepada komuniti masyarakat / penduduk setempat / kariah dan sebagainya.
- b) Permohonan hendaklah dihantar terus melalui pos ke alamat berikut :

Pengarah Pentadbiran & Sumber Manusia

Universiti Selangor, Jalan Timur Tambahan
Kampus Bestari Jaya
45600 Bestari Jaya
Selangor

Tel : 03-3280 5058 / 03-3280 5077

- c) Sila tulis nama jawatan dipohon di bahagian atas sebelah kanan sampul surat.
- d) Tarikh akhir penerimaan borang permohonan adalah pada atau sebelum **30 September 2022**.
- e) Lain-lain:
 - i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
 - ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan pada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
 - iii) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.